



UTHM Perintis Model Tahfiz - TVET



© Penerbit UTHM
Terbitan Pertama 2025

Hak cipta terpelihara. Dilarang untuk menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buletin ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.

Diterbit oleh:

Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
No. Tel: 07-453 8698/8529
No. Faks: 07-453 6145

Redaksi BITARA

Penaung

Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad

Penasihat

Prof. Ts. Dr. Norzila binti Othman

Ketua Editor

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan

Sidang Editor

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan |
En. Idris bin Johar | Cik Yuniza binti Asri |
Cik Nurhuda binti A Malik

Konsep dan Rekaan

Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan |
En. Idris bin Johar | Cik Yuniza binti Asri |
Cik Nurhuda binti A Malik

Penyumbang Berita

ISWAJ - Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol | ICC |
MyREI | TRANSFORM | MyRIVET | RMC | ICRC |
I²E | Pejabat Penerbit
- Dr. Nurhafiza binti Hamzah,
Pn. Sarena binti Kadeni,
En. Mohammad Ahyar bin Zulkefli,
En. Mohamad Zamirularif bin Tabri,
Cik Zawanah binti Zahari

Percetakan

Pejabat Penerbit UTHM

Isi Kandungan

04-11

Aktiviti iSWAJ

12-13

Aktiviti ICC

14-15

Aktiviti MyREI

16-17

Aktiviti TRANSFORM

18-19

Aktiviti MyRIVET

20-21

Aktiviti RMC

22-23

Aktiviti ICRC

24-25

Aktiviti Pejabat Penerbit

26-27

Aktiviti I²E

Redaksi BITARA mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan bagi penerbitan BITARA ini. Redaksi mengalu-alukan berita daripada semua pihak untuk keluaran BITARA yang seterusnya. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada alamat e-mel sarena@uthm.edu.my

Sekilas Pandang

Assalamualaikumwarahmatullah dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, dengan izin Allah, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) di bawah portfolio Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) berjaya menerbitkan Buletin Bitara Bil. 1/2025.

UTHM di bawah Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ) telah diberi tanggungjawab oleh kerajaan negeri Johor untuk menjalankan penilaian dan memantauan madrasah tahfiz di seluruh negeri Johor melalui *Johor Tahfiz Quality Assurance* (JTQA) sejak 2017. Justeru, iSWAJ bekerjasama erat dengan Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Negeri Johor untuk memperkasa Tahfiz-TVET negeri Johor dengan memperkenalkan Model Konsep Tahfiz-TVET UTHM. Model ini mensasarkan latihan ikhtisas SKM Tahap 3 kepada guru tahfiz dan latihan kemahiran dan teknikal kepada pelajar tahfiz.

Bagi merealisasikan model ini, iSWAJ dengan kerjasama ICRC dan fakulti telah menjalankan enam projek rintis Tahfiz-TVET pada tahun 2024 dan 2025. Program ini berjaya mendapat sambutan baik dalam kalangan pelajar tahfiz dan guru-guru. Kami percaya gabungan antara pengajian agama dan pendidikan TVET ini akan membuka lebih banyak peluang kepada para pelajar untuk melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi.

Tahun 2025, iSWAJ akan mengorak langkah dengan memperkasa penyelidikan integrasi Islam dan teknologi, pengindeksan *Journal of Quranic Sciences & Research* (JQSR) dan perundingan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Agama Islam Negeri Johor, Jabatan Mufti Negeri Johor serta semua rakan strategik.

Sekian, Wa billahi taufiq wal hidayah, Assalamualaikumwarahmatullah.

**Prof. Madya Dr. Khairun Nidzam
bin Ramli**
Pengarah
(Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah)
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia



UTHM Perintis Model Tahfiz-TVET

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) melalui Jabatan Latihan dan Kepimpinan Islam, Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ) telah mewujudkan satu inisiatif model bagi pelaksanaan program Tahfiz-TVET selaras dengan Sasaran Kerja Tahunan Universiti (SKTU) UTHM serta berpandukan kepada Belanjawan Johor 2025 dan Jaminan Kualiti Tahfiz Johor (JTQA). Model konsep ini dibangunkan berdasarkan kepada pelaksanaan Program Tahfiz-TVET pada tahun 2024 kepada 120 pelajar tahfiz daripada 6 buah Madrasah Tahfiz terpilih. Manakala tahun 2025, iSWAJ telah melaksanakan projek rintis Latihan Iktisas Pengajaran Tahfiz SKM Tahap 3 kepada guru-guru tahfiz dari 4 madrasah tahfiz negeri Johor

Inisiatif Model Tahfiz-TVET UTHM ini diasaskan atas Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN) yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada tahun 2021. Dasar ini meliputi 5 Teras utama dan 19 Strategi yang menjadi fokus kepada pemerkasaan pendidikan tahfiz di Malaysia. Model ini akan menyentuh Teras 3 Strategi 4, Teras 4 Strategi 1 dan Teras 2 Strategi 1 dalam DPTN masing-masing kepada 3 Fokus Utama yang mensasarkan kepada pelajar tahfiz, guru tahfiz dan institusi tahfiz. Setiap Fokus tersebut mempunyai elemen keperluan dan elemen TVET di mana kesemuanya mendasari pada teras dan strategi DPTN.



Program Tahfiz TVET: Praktikal Sertu sempena Hari Latihan Kemahiran Tahfiz-TVET UTHM

iSWAJ UTHM telah melaksanakan Program Tahfiz TVET sempena Hari Latihan Kemahiran Tahfiz-TVET UTHM 2024 di Dewan Al-Farabi, Masjid Sultan Ibrahim, UTHM melibatkan 20 orang pelajar tahfiz dari Akademi Al-Quran Amalillah - AKMAL Batu Pahat. Program Tahfiz-TVET ini merupakan anjuran ICRC UTHM yang bertujuan untuk memberi latihan dan kemahiran TVET sertu kepada para pelajar tahfiz bagi mempelbagaikan kemahiran mereka dan pada masa sama meneruskan pengajian hafazan sepanjang pengajian. Program ini telah disampaikan oleh Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol dan Dr. Wan Ainaa Mardhiah binti Wan Zahari. Para pelajar telah didedahkan dengan Konsep Fiqh Taharah dan Sertu pada sesi sebelah pagi. Manakala bagi sesi petang, para pelajar telah membuat praktikal sertu dengan menggunakan bahan dari produk sertu Layyeen yang juga merupakan produk pembersihan sertu. Turut hadir sama mengiringi para pelajar adalah Mudir AKMAL, Ustaz Muhammad Luqman Hakim bin Ahmad dan juga Ustaz Muhammad Nurul Islam bin Zulkurnain.

Latihan Ikhtisas Guru Tahfiz

Langkah ke Arah Pentauliahkan SKM Tahap 3

Program Latihan Ikhtisas Guru Tahfiz: SKM Tahap 3 – Pengajaran Tahfiz Melalui Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) telah berjaya diadakan pada 24 hingga 27 Februari 2025 di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Kursus anjuran Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ) ini telah disertai 18 guru tahfiz dari empat buah Madrasah iaitu Maahad Tahfiz Al-Jawahir, Pt. Kemang, Madrasah Tahfiz Rendah Jawahir IKLIL, Maahad Tahfiz Tulen Jawahir Al-Ulum, Pt. Tengah dan Maahad Tahfiz Syahadah Al-Jawahir, Pt. Raja. Kursus ini bertujuan untuk memberikan ilmu, kemahiran sebagai nilai tambah guru tahfiz sebagaimana hasrat Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) memperkasa Tahfiz TVET selaras dengan keperluan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) : Pengajaran Tahfiz melalui kaedah Persijilan Pengalaman Terdahulu (PPT).

Sepanjang latihan, peserta dibimbing oleh pensyarah UTHM; Institut Ahli Sunnah Wal Jamah (iSWAJ), Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Pusat Pengajian Bahasa (PPB), serta Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum (PPUK).

Kursus dirancang menggunakan pendekatan teori dan praktikal bagi memperkukuhkan kemahiran peserta dalam Pengurusan Kelas Hafazan, Pengajian Asas Islam, Pengurusan Aktiviti Kokurikulum Madrasah serta Asas Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab.

Perlaksanaan kursus latihan ini diharapkan dapat membantu memperkasakan profesionalisme guru tahfiz serta memberi laluan kepada mereka untuk memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, sekali gus memperkukuhkan standard pengajaran tahfiz di institusi pendidikan Islam di negeri Johor.



Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UTHM dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

UTHM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) pada 18/2/2025 dalam usaha memperkukuh kerjasama akademik dan penyelidikan. MoU UTHM-IKIM adalah dibawah penyelarasan iSWAJ UTHM yang merupakan penyambungan MoU pertama yang telah tamat pada 2024.

UTHM diwakili oleh Provost Kampus UTHM Pagoh, Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad sebagai wakil rasmi Naib Canselor, manakala IKIM diwakili oleh Ketua Pengarahnya, Prof. Madya Dato' Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil. Majlis turut dihadiri oleh Pengerusi IKIM, Prof. Dato' Dr. Muhammad Nur Manuty, Pengarah iSWAJ, Prof. Madya Dr. Khairun Nidzam bin Ramli, serta Ketua-ketua Jabatan iSWAJ.

MoU ini dimeterai bersempena sambutan ulang tahun ke-33 IKIM dan bertujuan mengukuhkan jaringan ilmu antara empat institusi termasuk Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Islamic Banking & Finance Institute Malaysia (IBFIM). Dalam ucapan aluannya; Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad menjelaskan kerjasama ini bakal membuka lebih banyak peluang dalam pelbagai bidang, dengan setiap institusi memainkan peranan strategik berdasarkan kepakaran masing-masing. Dalam pada itu, iSWAJ turut mengadakan kunjungan ke atas Ketua Pengarah IKIM yang turut dihadiri oleh Pengarah Pusat Kajian Syarak, Undang-undang & Politik dan perbincangan strategik kerjasama di antara kedua institusi.



Jemputan Penyertaan dalam Bengkel Pembangunan Hala Tuju Akademi Ahli Sunnah Wal Jamaah Negeri Johor

Bengkel anjuran Jabatan Mufti Negeri Johor di Lotus Seaview Resort Pengerang, Johor pada 6-7/2/2025 bertujuan untuk merangka organisasi pentadbiran, pembangunan modul dan perancangan kursus bagi Akademi Ahli Sunnah Wal Jamaah Negeri Johor. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Mufti Negeri Johor iaitu Sohibil Samahah YB Dato' Hj. Yahya bin Ahmad. Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (iSWAJ) UTHM turut dilibatkan dalam bengkel ini bersama Kadi Daerah, pegawai JAINJ dan wakil-wakil institusi pengajian tinggi; Universiti Teknologi Malaysia dan Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim. Kepakaran lima pensyarah UTHM; Ketua Jabatan iSWAJ dan pensyarah Jabatan Pengajian Islam PPUK membantu mencapai objektif dan matlamat bengkel ini.



Majlis Penyerahan Laporan Bagi Perundingan Bahan Penerbitan Bahagian Penyelidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Johor

8 Dis. 2024 - Pengarah iSWAJ telah menyerahkan dua bahan penerbitan iaitu Pelaksanaan Pemurniaan Al-Quran dalam Negeri Johor dan Kaedah Menangani Terbitan Islam Yang Menyalahi Syarak atau Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah kepada Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ), Tn. Hj. Dzulkaffli bin Mohammed pada 8 Disember 2024. Turut hadir adalah Penolong Pengarah Bahagian Penyelidikan Abd. Rahman bin Othman dan Ketua Jabatan Penyelidikan & Penerbitan iSWAJ, Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol. iSWAJ dan Bahagian Penyelidikan JAINJ akan bekerjasama dengan lebih erat pada tahun 2025 diantaranya kolaborasi strategik dalam kajian kaedah pemurnian al-Quran Negeri Johor dan bahan dakwah digital.



Kunjungan ke Atas Pengerusi JK Penasihat Kepakaran iSWAJ

YB Dato' Dr. Hj Nooh bin Gadut

3 Feb. 2025 - Kunjungan hormat iSWAJ UTHM ke Pejabat YB Dato' Hj. Nooh bin Gadut telah diketuai oleh Pengarah iSWAJ bersama dua orang Ketua Jabatan iSWAJ. Kunjungan ini bertujuan untuk sesi ramah mesra selain membincangkan hala tuju aktiviti & perancangan iSWAJ UTHM 2025 bersama YB Dato' Nooh selaku Pengerusi JK Penasihat Kepakaran iSWAJ.



Menghadiri Jemputan Bahagian Penyelidikan Islam JAINJ dalam Bengkel Penyediaan Buku 100 Soal Jawab Bab Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Negeri Johor 2025

Bengkel penyediaan Buku 100 Soal Jawab Bab Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Negeri Johor pada 27-28/2/2025 telah diadakan di Hotel Le Grandeur, Senai, Johor. Bengkel ini dianjurkan oleh Bahagian Penyelidikan Islam JAINJ.



Jemputan Perbincangan Bersama Jabatan Pendidikan Negeri Johor berkaitan Kem Imam Remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) peringkat Negeri Johor

Perbincangan kerjasama antara Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah dengan Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPNJ). JPNJ diwakili oleh Ustaz Mohd Fahmie Mohmad (Penolong Pengarah Sektor Pendidikan Islam) pada 27/2/2025. Tujuan perbincangan adalah untuk membincangkan pembangunan modul Kem Imam Remaja Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) peringkat Negeri Johor



Kursus Profesional Halal Eksekutif Siri 1/2025

Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, UTHM selaku Penyedia Latihan Halal (PLH) JAKIM telah menjalankan Kursus Profesional Halal Eksekutif yang telah berlangsung selama tujuh hari bermula 01-07 Februari 2025. Kursus ini telah diadakan di ProSpeed, Parit Raja, Batu Pahat. Seramai 5 orang peserta telah mengikuti Kursus ini.

Kursus Halal Eksekutif dianjurkan dengan kerjasama UTHM Education and Training (UET) ini adalah untuk memberi ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada peserta dalam industri halal melalui kursus kompetensi yang diiktiraf serta dapat mempraktikkan ilmu yang diperolehi untuk dilaksanakan bagi persediaan menjadi Eksekutif Halal dan sebagai sumber rujukan dalam isu hal yang berkaitan dengan halal kepada industri, pensyarah dan pelajar.

iSWAJ sebagai pusat halal TVET UTHM sentiasa komited memperkasa industri halal dalam bentuk latihan dan kemahiran kepada peserta dan pemain industri halal di Malaysia secara amnya, khususnya di negeri Johor.



Lawatan Strategik Halal ke Mars Global Sdn Bhd

10 Feb. 2025 - Tujuan lawatan ini ialah untuk meneroka peluang kerjasama dan perkongsian kepakaran dan sumber dalam usaha menyokong pembangunan industri halal.



Lawatan ke Premis Usahawan Wanita, Kg. Bukit Kenangan, Simpang Renggam

20 Feb. 2025 - Tujuan lawatan adalah untuk meneroka peluang kerjasama, kepakaran dan sumber dalam usaha menyokong pembangunan industri halal.



Mesyuarat Pembangunan Modul Kesedaran Halal Logistik Bersama Industri



Mesyuarat pembangunan modul kursus halal logistik telah diadakan di Bilik Mesyuarat As-Syafei, Pusat Islam. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh PM. Dr. Khairun Nidzam bin Ramli pengarah iSWAJ. Hadir dalam mesyuarat ini adalah ketua-ketua jabatan iSWAJ Dr. Wan Ainaa Mardhiah binti Wan Zahari, Dr. Muhammad Suhaimi bin Datuk Hj. Sulong dan Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol. Turut hadir Ust. Hj. Mustapahayuddin bin Abdul Khalim, PM. Ts. Dr. Alina binti Samsudin, Dr. Nor Kamariah binti Kamarudin serta wakil daripada industri Puan Julailah M. Lojong (JML Consultant). Tujuan perbincangan ini adalah untuk pembangunan modul Kursus Kesedaran Halal yang akan memfokuskan kepada industri halal logistik serta memenuhi permintaan pihak industri yang melibatkan peruncitan, gudang dan pengangkutan.

Lawatan Strategik Halal Pertubuhan Peladang Kawasan Parit Raja & Sri Medan



Jabatan Ekonomi dan Halal, Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah telah mengadakan kunjungan strategik ke Pertubuhan Peladang Kawasan Parit Raja & Sri Medan pada 19/2/2025 dengan mengadakan lawatan Peladang Outlet PPK Parit Raja dan Pusat Sembelihan dan Pemprosesan PPK Sri Medan. Tujuan lawatan adalah untuk meneroka peluang kerjasama, kepakaran dan sumber dalam usaha menyokong pembangunan industri halal.

Kursus kesedaran halal bersama Usahawan IKS Kampung Bukit Kenangan & Kampung Paya, Simpang Renggam

Kursus kesedaran halal kepada komuniti Simpang Renggam telah diadakan di Bilik Persidangan, RMC, UTHM pada 27/2/2025.



Jemputan Menghadiri Mesyuarat Perancangan Strategik Kawasan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) Tahun 2025



iSWAJ UTHM melibatkan diri dalam bengkel Working Group in Halal Produk and Services sempena Mesyuarat Perancangan Strategik Kawasan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) Tahun 2025 pada 25/2/2025. Beberapa isu dan cabaran dikemukakan untuk mencari solusi terbaik bagi ketiga-tiga pihak. UTHM menawarkan diri dalam membantu pengiktirafan kurikulum dan silibus halal serta menawarkan program Halal TVET untuk dilaksanakan.





Jemputan Menyertai Bengkel Pembangunan Kerangka Buku “Memahami Fenomena Alam Hari Kiamat dan Akhirat Daripada Perspektif Astronomi dan Astrofizik”

Bengkel pembangunan kerangka buku ini diadakan di Hotel Amerin, Perling, Johor Bahru pada 20-21/2/2025 adalah bertujuan untuk menetapkan tajuk buku dan kandungan yang sesuai supaya selari dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Bengkel ini telah dianjurkan oleh FTK dan dihadiri oleh Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI) dan iSWAJ UTHM.

Perbincangan Bersama Bahagian Halal JAKIM bagi Projek Sistem Pengesanan Rantaian Bekalan Ayam Halal dan Kotej Halal

Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, UTHM selaku Penyedia Latihan Halal (PLH), JAKIM telah mengadakan lawatan strategik halal ke Bahagian Pengurusan Halal, JAKIM pada 7/2/2025. Perbincangan ini telah diketuai oleh En. Muhyidin bin Aziz @ Saari, Pengarah Bahagian Pengurusan Halal JAKIM. iSWAJ telah diwakili oleh Dr. Wan Ainaa Mardiah binti Wan Zahari selaku Ketua Jabatan Ekonomi dan Halal. Turut serta dalam lawatan ini Prof. Madya Ts. Dr. Faridah binti Kormin, Pengarah Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat serta wakil-wakil syarikat pelajar White Resources. Lawatan ini adalah untuk membentangkan dan mendapatkan input serta khidmat nasihat berkaitan Projek Sistem Pengesanan Rantaian Bekalan Ayam Halal (Halal Traceability System) serta Kotej Halal yang akan memfokuskan kepada pendayaan komuniti. Perbincangan ini juga dapat meneroka peluang kerjasama antara dua agensi serta berkongsi kepakaran dan sumber dalam usaha menyokong pembangunan industri halal.



Majlis Penyerahan & Pelantikan UTHM sebagai Sijil Rakan Strategik Sertu (RSS) oleh Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ)

Serahan Sijil Pelantikan Rakan Strategik Sertu (RSS) telah disempurnakan oleh Sohibus Saadah Tn. Hj. Nasri bin Md Ali (Pengarah JAINJ) pada 27/2/2025 di Dewan Haji Ahmad Shah, Pejabat Kadi Daerah Pontian. UTHM telah disambung pelantikan sebagai Rakan Strategik Sertu (RSS) selama dua tahun lagi.



Perbincangan kolaborasi bersama Johor Business School (JBS), UTHM

iSWAJ UTHM telah menerima delegasi daripada Johor Business School (JBS) di Pejabat Am iSWAJ. iSWAJ telah dihadiri oleh Pengarah, PM Dr. Khairun Nidzam bin Ramli. Turut hadir Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol dan Dr. Muhammad Suhaimi bin Datuk Hj. Sulong (Ketua-ketua Jabatan iSWAJ). Hadir dalam perbincangan ini Prof. Dr. Abd Rahman bin Ahmad (Dekan JBS), Dr. Umi Kartini binti Rashid (Ketua Jabatan Pemajuan Penyelidikan dan Pembangunan JBS) serta Dr. Noor Aslinda binti Abu Seman (Pensyarah Kanan JBS). Perbincangan ini adalah untuk memberi peluang kerjasama di antara JBS dan iSWAJ.



Program Khidmat Sosial: **Ceramah Amalan Hidup Sihat di Sekolah Kebangsaan Dato' Onn Jaafar (SKDOJ), Simpang Renggam**

iSWAJ UTHM telah menjayakan program pemindahan ilmu kepada murid-murid SK Dato' Onn Jaafar, Simpang Renggam menjayakan program Amalan Hidup Selamat dan Sihat pada 18/2/2025. Program ini bertujuan untuk mendidik murid-murid tentang kepentingan menjaga keselamatan di kawasan sekolah dan kesihatan diri. Ceramah disampaikan oleh Lt. Kolonel Ts. Mohd Safiee bin Idris (R), pensyarah FPTV UTHM. Program dihadiri oleh seramai 400 murid daripada Tahun 2 sehingga Tahun 6. Program anjuran bersama Unit Kaunseling SKDOJ ini telah dihadiri Guru Besar SKDOJ, YBrs. Pn. Shamsiah binti Abdullah, barisan Guru-guru Penolong Kanan dan guru-guru.

Para peserta diberikan pendedahan mengenai jenis-jenis indisen dan kemalangan yang boleh berlaku di kelas, di sekolah dan di persekitaran murid-murid, mengenalpasti jenis-jenis bahaya serta langkah-langkah keselamatan dan kepentingan pemakanan sihat. Program ini bukan sahaja memberi manfaat kepada murid-murid, malah turut membantu mereka memahami peranan penting dalam menjaga keselamatan diri dan orang sekeliling.

Melalui pemindahan ilmu ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran dalam kalangan murid mengenai kepentingan mengamalkan gaya hidup sihat dan langkah keselamatan di sekolah.



Khidmat sosial iSWAJ dalam penganjuran Kem *Smart Solat*

Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah, UTHM telah bekerjasama dengan Surau Ar-Raudhah *Maple Residence* dan Yayasan *Q-tech Malaysia* menganjurkan Kem *Smart Solat* di *Maple Residence* pada 27-28 Januari 2025. Kem ini telah berjaya menarik 50 penyertaan anak komuniti yang berumur 6-15 tahun.

Modul yang dirangka sebagai pengisian kem antaranya Modul Wuduk dan Praktikal Solat. Dalam majlis penutup, iSWAJ telah dihadiri oleh Pengarah Prof. Madya Dr. Khairun Nidzam bin Ramli, Ybhg Prof. Dato' Dr. Abd Razak bin Omar, Pengerusi Yayasan Q-tech Malaysia, barisan fasilitator; Dr. Muhammad Suhaimi bin Sulong, Dr. Nur Zainatul Nadra binti Zainol, Hj. Baharuddin bin Yaman serta urusetia kem; Cik Nur Laila Najwa binti Muhamad Jun.

Program ini diakhiri dengan penyampaian sijil kepada peserta dan cenderahati kem *smart solat* yang telah disampaikan oleh En. Farhan bin Mohd Hanif, Pengerusi JMB *Maple Residence* serta Pn. Nurul Hanis bin Ramzi wakil Surau Ar-Raudhah.

Program ini diharapkan dapat memberikan ilmu berkaitan perlaksanaan wuduk dan solat yang sempurna kepada peserta. Program khidmat sosial ini dapat menjalinkan kerjasama strategik dalam menghasilkan impak positif kepada komuniti.



Perjumpaan Bersama STU Bil.1 2025

13 Jan. 2025 - Bilik Mesyuarat Aras 5, PTTA | Sesi perjumpaan khas Pengarah Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) bersama Syarikat Terbitan Universiti (STU) telah berjaya diadakan. Perjumpaan ini bertujuan suai kenal dan berkongsi pendapat untuk kerjasama akan datang. Semoga perjumpaan ini mampu memberikan manfaat kepada STU dan membantu STU dalam memantapkan lagi aktiviti pengkomersialan selaras dengan agenda universiti iaitu "Global Technopreneur Universiti (GTU)" 2030.



Innovathon Musim Ke-2

18 Jan. 2025 - ReHAD di peringkat akhir Innovathon Musim ke-2



Jualan Agro Madani

22 Jan. 2025 - Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC) telah menyertai program Jualan Agro Madani yang berlangsung di Dewan Orang Ramai Parit Raja. ICC tidak melepaskan peluang untuk menampilkan produk-produk yang telah dihasilkan oleh penyelidik UTHM untuk dipasarkan kepada pengunjung yang hadir ke program ini. Antara produk yang dipamerkan adalah babylena, Rejuvenate dan Clarity Herbal Drink.



International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition (IPITEx) 2025

10 Feb. 2025 - Setinggi-tinggi penghargaan buat Prof. Dr. Abdul Mutalib bin Leman & Prof. Madya Ts. Dr. Suliadi Firdaus bin Sufahani dalam pertandingan Bangkok International Intellectual Property, Invention, Innovation and Technology Exposition (IPITEx) 2025 di Bangkok Thailand. Tahniah atas pencapaian yang membanggakan bagi pembukaan tahun 2025



Sesi Laporan Perhimpunan Bulanan Staf ICC Bersama Pengarah & Taklimat SPEED

24 Jan 2025 - Berlangsung sesi Laporan Perhimpunan Bulanan Staf ICC Bersama Pengarah & Taklimat SPEED Prof. Eur. Ing. Ir. Ts. Dr. Shahiron Shahidan (Januari 2025) Turut dimaklumkan bagi tahun 2025 pengarah turut memperkenalkan slogan baharu Pemangkin Inovasi untuk Perubahan bagi pusat ICC yang akan dijadikan sebagai salah satu objektif utama dalam misi dan visi pejabat. Antara Intipati Ucapan Pengarah yang telah disampaikan, Pengarah menekankan pendekatan Transformasi *SPEED* sebagai asas utama strategi ICC 2025, dengan memberi penekanan kepada:

1. Lima (5) Nilai Teras Utama:

- Keterangkuman (*Inclusivity*): Semua pihak dilibatkan untuk mencapai manfaat bersama.
- Kerjasama (*Collaborative*): Menggalakkan kolaborasi dengan universiti, industri, dan komuniti.
- Kreativiti (*Creativity*): Pemikiran luar kotak untuk penyelesaian inovatif.
- Integriti (*Integrity*): Kejujuran dan konsisten dalam tindakan.
- Transformasi (*Transformative*): Membawa perubahan besar kepada organisasi.

2. Fokus Utama: *SPEED* - Amanat YB Naib Canselor, Prof. Dato Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abd Rahim

- Melaksanakan tugas dengan pantas dan efisien.
- Pemerksaan Generasi Muda - Memberi peluang kepada bakat muda untuk mencorak masa depan ICC.
- Data dan Analitik - Penggunaan data sebagai alat keputusan strategik.
- Kolaborasi Antarabangsa - Memanfaatkan peluang global untuk kemajuan universiti. Turut disampaikan Anugerah Pekerja Terbaik Bulanan yang diperkenalkan dan akan dilaksanakan sepanjang tahun 2025. Penerima pertama adalah Puan Norsuhada Mohd Ali kerana kejayaan beliau dalam menguruskan permohonan harta intelek bagi universiti. Kesimpulan perhimpunan kali ini, pengarah menyeru semua staf untuk bersama-sama menjayakan misi transformasi dengan semangat inovasi, kerjasama, dan kecekapan.



Majlis Anugerah Malaysia's Research Star Award (MRSA)

13 Feb. 2025 - Majlis Anugerah Malaysia's Research Star Award (MRSA) bertempat di Hotel Marriott, Putrajaya. Majlis telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia. Dalam majlis ini, Prof. Eur. Ing. Ir. Ts. Dr. Shahiron Shahidan telah dianugerahkan Malaysia's Research Star Award dalam kategori *Researchers Cluster*. Tahniah atas pencapaian yang cemerlang bagi pembukaan tahun 2025.



Pemantauan berkaitan Projek R&D MOSTI

14 Feb 2025 - Bilik Inkubator Aras 2, Bangunan Pusat Penyelidikan | Berlangsungnya pemantauan berkaitan Projek R&D MOSTI bagi projek "*Harnessing Azolla Pinnata Enhanced with Composted Food Waste as an Alternative Feed for Broiler and Indigenous Chickens to Foster Sustainable Food Security* (SRF10231282RFP)". Pemantauan ini telah dihadiri oleh dua orang pegawai daripada pihak Mosti, Ketua Penyelidik Prof. Ts. Dr. Aeslina binti Abdul Kadir, Pengarah RMC dan Timbalan Pengarah RMC dan Penolong Pendaftar RMC dan ICC.



Perbincangan Potensi Penyelidikan bersama

Prof. Ali Parsa

**dari *University of Westminster*,
United Kingdom**

18 Dis. 2024 - Perbincangan potensi penyelidikan telah diadakan bersama dengan Prof. Ali Parsa dari *University of Westminster*, United Kingdom yang merupakan Profesor Pelawat yang baru dilantik di Jabatan Pengurusan Harta Tanah, Fakulti Pengurusan Teknologi & Perniagaan (FPTP). Pihak MyREI dan KANZU Knowledge telah berkesempatan menerima kunjungan Prof. Ali di bilik mesyuarat KANZU *Resilient4word Lab* pada 18 Disember yang lalu. Perbincangan dimulakan dengan pembentangan latar belakang Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI) oleh Dr. Indera Syahrul Mat Razuan dan KANZU Knowledge oleh Prof. Madya Sr Dr. Noralfishah Sulaiman. Perbincangan ini juga telah dihadiri oleh beberapa orang pensyarah dan pelajar-pelajar pasca siswazah dan sarjana muda program Pengurusan Harta Tanah. Program ini diakhiri dengan penyampaian surat pelantikan sebagai Felo Pelawat kepada Prof. Ali Parsa daripada Pengarah MyREI, Prof. Madya Sr Dr. Abdul Jalil Omar.



Temubual Pelantikan Felo Bersekutu MyREI

8 Jan. 2025 - Sesi temubual ini diadakan sebagai sesi suai kenal antara ahli Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI) dan calon-calon Felo Bersekutu yang hadir. Felo Bersekutu yang dilantik adalah seramai tujuh orang daripada pelbagai latar belakang kepakaran.



Industrial Talk - Redefining Estate Agency Practice Using Latest Technology oleh ESP Propertis

2 Jan. 2025 - Program *Industrial Talk* ini diadakan pada hari Khamis, 2 Januari 2025 oleh sebuah agensi harta tanah iaitu ESP Properties dari Kluang untuk meningkatkan pengetahuan pelajar tentang bagaimana industri harta tanah telah terjejas dengan teknologi baharu untuk menyesuaikan diri dengan aliran teknologi. En. Shahrill Azuan bin Abdul Razak yang pernah menjadi salah seorang pengarah syarikat dan juga menjadi Perunding Harta Tanah (REN) untuk syarikat tersebut telah berkongsi maklumat tentang bagaimana ESP Properties menyesuaikan diri dengan transformasi teknologi terbaru untuk memudahkan proses penjualan harta tanah. Ceramah industri ini telah disertai oleh beberapa orang staf Jabatan Pengurusan Harta Tanah dan juga sepuluh (10) orang perunding harta tanah daripada ESP Properties.



Majlis Kick-off Tawaran Geran Penyelidikan dan Kewangan Sektor Awam 2025

13 Jan. 2025 - Majlis ini telah diadakan di Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) di Putrajaya bagi meraikan 5 penerima geran penyelidikan perakaunan dan kewangan sektor awam bagi tahun 2025. UTHM telah diwakili oleh Dr. Indera Syahrul bin Mat Radzuan selaku Ketua Penyelidik dengan kajian bertajuk "Penentuan Kaedah Penilaian dan Pengukuran Aset Ketara Warisan bagi Kerajaan Persekutuan Malaysia". Selain itu, Pengarah MyREI iaitu Prof. Madya Sr Dr. Abdul Jalil Omar dan Tn. Hj. Rosli bin Hj. Nor yang merupakan penyelidik bersama bagi kajian ini turut hadir. Majlis kick-off ini telah diserikan dengan perutusan oleh YBrs. Puan Zainani Jusoh, Timbalan Akauntan Negara (Korporat) kepada kesemua ahli penyelidik yang berjaya memperoleh geran daripada JANM iaitu dari Universiti Malaya (UM), Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).



Lawatan ke Galeri Sempena Majlis sambutan Tahun Baharu Cina ke Dewan Perniagaan Cina Batu Pahat



10 Jan. 2025 - Ketua Jabatan MyREI iaitu Dr. Indera Syahrul Mat Radzuan dan Cik Emy Syafiqah Nadia Mohd Hamidi serta pelajar pelatih Sdri Siti Khadijah Danny telah meluangkan masa untuk melawat galeri sempena majlis sambutan Tahun Baharu Cina di Dewan Perniagaan Cina Batu Pahat yang merupakan bangunan bersejarah di Bandar Penggaram yang telah didirikan pada tahun 1931. Ianya terletak di No. 32, Jalan Rahmat, 83000 Batu Pahat, Johor. Lawatan ini juga adalah salah satu usaha bersama di antara pihak UTHM dengan Dewan Perniagaan Cina Batu Pahat yang telah membantu dalam usaha mempromosi bahan pameran Galeri Batu Pahat 1894 ke bangunan bersejarah ini kepada khalayak umum sempena sambutan Tahun Baharu Cina.

Lawatan Kunjungan Hormat ke Forest City dan Pelabuhan Tanjung Pelepas

11-12 Feb. 2025 - Lawatan kunjungan hormat telah diadakan di Forest City iaitu sebuah projek pembangunan mega yang dibangunkan oleh syarikat China, Country Garden Holdings, dengan kerjasama syarikat tempatan. Projek ini bertujuan untuk menjadi sebuah bandar pintar yang hijau dan moden bagi menarik pelaburan asing khususnya dalam kerangka Pembangunan Johor-Singapore Economic Zone (JSEZ). Forest City boleh menjadi rakan strategik MyREI dalam bentuk kerjasama MoU dan aktiviti tanggungjawab sosial korporat (CSR). Manakala lawatan ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) turut diadakan pada hari kedua di mana ahli-ahli MyREI dan TRANSFORM telah mengadakan lawatan secara bersama. TRANSFORM telah diwakili oleh Dr. Fadillah Ismail. Dalam lawatan ini, pihak PTP telah memberikan penerangan tentang pengoperasian pelabuhan yang kelima paling cepak di dunia ini dan saling bertukar-tukar pandangan terhadap pontensi kerjasama. Lawatan ke tapak pelabuhan turut disediakan oleh pihak PTP kepada peserta. Lawatan ke PTP ini dapat memberi ruang Kerjasama dalam bentuk program CSR, latihan staf, latihan industri dan penajaan.



Kursus Pelaburan dan Penilaian Tanah Tanaman Durian

22-23 Feb. 2025 - Institut Harta Tanah Malaysia (MyREI) dengan kerjasama The Kebun, Negeri Sembilan telah mengadakan satu kursus pendek bertajuk 'Pelaburan dan Penilaian Tanah Tanaman Durian' yang diadakan di The Kebun yang terletak di Lot 3303, Kg. Tengkek, Padang Lebar, 72200, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kursus ini merupakan inisiatif sulung di antara MyREI dan The Kebun yang telah berjaya menganjurkan kursus ini dengan penyertaan seramai 38 orang peserta daripada pelbagai latar belakang. Kursus ini bertujuan untuk memberikan pemahaman teori daripada aspek pelaburan dan penilaian komersial penanaman durian selain strategi pelaburan serta aspek teknikal tanaman durian yang berbantuan teknologi seperti penggunaan sistem siraman berjadual dan penggunaan dron bagi tujuan pembajaan.



Sesi Penyerahan Watikah Perlantikan Timbalan Pengarah Transform UTHM

1 Dis. 2024 - Kekosongan jawatan Timbalan Pengarah TRANSFORM telah diisi semula oleh penyandang iaitu Prof. Madya Dr. Fadillah binti Ismail untuk tempoh berkuat kuasa mulai 1 Disember 2024 hingga 31 Disember 2026. Penyerahan watikah perlantikan telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) dan diiringi Dr. Zahrul Akmal bin Damin, Pengarah TRANSFORM.



Sesi Penyerahan Watikah Perlantikan Pengarah Transform UTHM

1 Jan. 2025 - Kekosongan jawatan Pengarah TRANSFORM telah diisi semula oleh penyandang iaitu Dr. Zahrul Akmal Bin Damin. Penyerahan watikah perlantikan telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Rabiah Binti Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Perlantikan ini adalah selama dua tahun iaitu sehingga 31 Disember 2026.



Kajian Awal Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (Prospek)

1Jan. 2025-TRANSFORM dengan kerjasama Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) telah menerima dana kajian berjumlah RM 19,980 daripada Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA). Dana ini adalah untuk menjayakan Kajian Awal Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK) di Mukim Benut, Pontian, Johor. Kajian ini diketuai oleh Dr. Hj. Fauziah binti Ani.

Kunjungan Hormat Ke Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Wilayah Selatan

2025 Januari 2 - TRANSFORM telah mengadakan kunjungan hormat ke Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Wilayah Selatan. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan potensi kerjasama di antara TRANSFORM dan INTAN Wilayah Selatan. Kunjungan ini telah diketuai oleh Dr. Zahrul Akmal bin Damin dan turut bersama ialah Prof. Madya Dr. Fadillah binti Ismail, Dr. Hj. Fauziah binti Ani, Dr. Shahidah binti Hamzah dan Dr. Mimi Nahariah Azwani binti Mohamed. Kehadiran TRANSFORM telah disambut oleh Pn. Iszalhamiyah binti Mohamed (Pengarah) disertai oleh Pn. Ruzana binti Ruslan (Timbalan Pendaftar Wilayah) dan Pn. Aidil Hasinah binti Abu Bakar (Ketua Penyelaras Latihan). Kunjungan ini telah berjaya mengenal pasti beberapa prospek kerjasama untuk dijayakan pada tahun 2025.



Terima Kunjungan Hormat Daripada *Asd Training & Consultancy*

7 Jan. 2025 - TRANSFORM telah menerima kunjungan hormat daripada *ASD Training & Consultancy*. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan potensi kerjasama strategik di antara *ASD Training & Consultancy* dan TRANSFORM. Selain itu, kerjasama ini dilakukan untuk membuka laluan rangkaian kepada TRANSFORM untuk mengakses rakan strategik *ASD Training & Consultancy*. Terimaan kunjungan ini telah diketuai oleh Prof. Madya Dr. Fadillah Binti Ismail dan turut bersama adalah Dr. Zahrul Akmal bin Damin dan Dr. Mimi Nahariah Azwani binti Mohamed. Kehadiran *ASD Training & Consultancy* telah diketuai oleh Tn. Sohaimi bin Daud dan turut bersama ialah Tn. Hamizan, Tn. Raja dan En. Syazwan. Turut hadir adalah Pengarah Keselamatan UTHM, wakil Pusat kaunseling UTHM dan Felo Penyelidik (Bersekutu) TRANSFORM. Satu *Letter of Intent* (LoI) telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak di akhir sesi.



Kunjungan Hormat Ke Pusat Latihan Teknologi Tinggi (Adtec) Batu Pahat

22 Jan. 2025 - TRANSFORM telah mengadakan kunjungan hormat ke Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Batu Pahat. Kunjungan hormat ini bertujuan untuk membincangkan potensi kerjasama di antara TRANSFORM dan ADTEC Batu Pahat. Kunjungan TRANSFORM telah diketuai oleh Dr. Zahrul Akmal bin Damin dan turut bersama ialah Prof. Madya Dr. Fadillah binti Ismail dan Dr. Mimi Nahariah Azwani binti Mohamed. Kehadiran TRANSFORM telah disambut oleh Ts. Mohamad Noor bin Ismail (Timbalan Pengarah) disertai oleh Ts. Hj. Nor Azlina binti Ismail, Mimi Nora binti Mohd Noh, Ts. Kantan a/I Saminathan, Ts Nur Azua binti Rahim dan Tc S. Rosli Bin Hasan. Kunjungan ini telah berjaya mengenal pasti prospek kerjasama untuk dijayakan pada tahun 2025.



Bengkel Demokrasi: Suara Orang Muda

15 Feb. 2025 - TRANSFORM dengan kerjasama Kelab Penduduk Inisiatif Anak Muda Batu Pahat telah menganjurkan Bengkel Demokrasi: Suara Orang Muda di Dewan al-Farabi UTHM. Seramai 30 orang pelajar UTHM telah terlibat di dalam bengkel ini dan ia merupakan program yang ditaja oleh l'M BP iaitu sebuah NGO dengan kos RM 1,475.00.



Kursus “AI Insight: Empowering Minds for Future - Ready Skills”

15 Jan. 2025 - Program latihan pada tahun 2025 dengan penganjuran program bersama Pertubuhan Penggerak Hufaz Berkemahiran Selangor (Penggerak Hufaz) bagi kursus “AI Insight: Empowering Minds for Future - Ready Skills” kepada pelajar-pelajar tahfiz. Peserta terdiri dari pelajar-pelajar tahfiz sekolah menengah dari Maahad Pendidikan Tahfiz An-Nur dan Madrasah Al Muhsinin Sanawiyah Batu Pahat, Johor. Sijil penyertaan dan penghargaan disampaikan oleh Pengarah MyRIVET, Prof. Madya Dr. Badaruddin bin Ibrahim dan Setiausaha Penggerak Hufaz, Ts Dr. Azreen Junaida binti Abd.Aziz. MyRIVET dan Penggerak Hufaz akan merancang dan melaksanakan program-program pembangunan modal insan hufaz yang berkualiti pada masa akan datang.



Majlis Menandatangani Memorandum of Understanding (MoU) antara UTHM dan Government-Industry TVET Coordination Body (GITC)

13 Feb. 2025 - Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara UTHM dan *Government-Industry TVET Coordination Body* (GITC) telah berlangsung di *World Trade Centre* Kuala Lumpur. Majlis dilaksanakan serentak bersama Sesi Menandatangani LOI GITC bersama *National Aerospace Industry Corporation Malaysia* (NAICO), sewaktu program *National MyAERO TVET Symposium 2025* yang berlangsung dari 13-14 Februari 2025. Yang Berhormat Prof. Dato’ Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM telah mewakili pihak Universiti bagi menandatangani MoU bersama GITC yang diwakili oleh YBhg. Dato’ Palaniappan A/L Joseph, Lembaga Pengarah GITC, sambil disaksikan oleh Pengarah MyRIVET, Prof. Madya Ts. Dr. Badaruddin bin Ibrahim, dan Tuan Haji Jamil bin Bakri, Ketua Pegawai Eksekutif GITC.



Mesyuarat Kerjasama Penyelidikan Antara MyRIVET dan *Government-Industry TVET Coordination Body (GITC)*

13 Feb. 2025 - Satu mesyuarat kerjasama penyelidikan antara MyRIVET dan *Government-Industry TVET Coordination Body (GITC)* telah diadakan selepas majlis menandatangani MoU di antara UTHM dengan GITC di *World Trade Center* Kuala Lumpur. Penyelidik UTHM yang turut serta di dalam mesyuarat tersebut ialah Prof. Madya Ts. Dr Badaruddin Bin Ibrahim, Pengarah MyRIVET, Prof. Madya Ts. Dr. Lai Chee Sern, Timbalan Pengarah MyRIVET dan Prof. Madya Ts. Dr. Faizal Amin Nur Bin Yunus, manakala rakan sejawatan GITC yang hadir ialah CEO GITC, Tuan Haji Jamil Bin Bakri; Pengurus Polisi, Penyelidikan dan Latihan GITC, Puan Umi Hasheida binti Hussain, dan Ketua bagi Penjenamaan, Promosi dan Kerjasama GITC, Encik Jazeel Johari.



Kunjungan Hormat Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia

27 Feb. 2025 - MyRIVET berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada delegasi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia bagi sesi perkenalan dan perbincangan lanjut mengenai skop kerjasama antara kedua-dua pihak. MyRIVET sangat menghargai kehadiran Puan Faizah binti Harun, Pengarah Bahagian Hubungan Industri dan Kerjasama Strategik (BHIKS) dan Puan Norisniwati binti Ab Rahim, Ketua Penolong Pengarah, Unit Kerjasama Strategik, BHIKS JPK. Turut hadir bersama dari Bahagian Inspektorat JPK, Puan Hamizatul Azura binti Hamzah (Pengarah), Puan Lili Munira binti Mat Yusuf (Ketua Penolong Pengarah), En. Muhammad Akmal bin Abdul Rahim (Penolong Kanan Pengarah, Unit Penarafan Program TVET) dan Puan Yuszaini binti Mat Yusof (Pegawai Pembangunan Kemahiran, Unit Penarafan Program TVET).



Jerayawara RMC Bersama FPTP, PPB UTHM

1-2 Dis. 2024 - Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menganjurkan program Jerayawara secara atas talian bersama Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan (FPTP), dan Pusat Pengajian Bahasa (PPB). Program ini bertujuan memperkenalkan fungsi RMC serta memberi penerangan mengenai pengurusan penyelidikan kepada staf fakulti.

Antara agenda utama yang dibincangkan ialah Pengurusan Geran, Pasca Kedoktoran, Double Tax Deduction (DTD) dan Pemutihan Aset. Program ini mendapat sambutan baik dan berjaya meningkatkan pemahaman peserta terhadap pengurusan penyelidikan di UTHM.



Sesi Pembentangan Cadangan Projek Permohonan Geran Mylab 1/2024

6 Dis.2024 – Sesi Pembentangan Cadangan Projek bagi Permohonan Geran Malaysia *Laboratories for Academia-Business Collaboration* (MyLAB) 1/2024 telah diadakan di *Mövenpick Hotel & Convention Centre* KLIA.

Pembentangan ini melibatkan penyelidik dari UTHM serta wakil industri dari Hijrah Water Sdn. Bhd. bagi membincangkan potensi kerjasama penyelidikan. Antara yang hadir ialah Prof. Dr. Nafarizal bin Nayan (RMC), Ts. Dr. Amirul Syafiq bin Sadun (FTK) dan Pn. Hjh. Fuzi binti Atan (Hijrah Water Sdn. Bhd.).

Sesi ini diharapkan dapat merencanakan lagi aktiviti penyelidikan dan inovasi di UTHM melalui kerjasama akademia-industri.



Pembentangan Permohonan Baharu – Geran Sepadan Bil. 4/2024

3 Dis. 2024 – Pembentangan Permohonan Baharu Geran Sepadan Bil. 4/2024 telah diadakan di Bilik Taklimat, Bangunan Pusat Penyelidikan, Blok F6, UTHM.

Sesi pembentangan ini melibatkan dua pemohon geran, iaitu Dr. Nordiana Azlin binti Othman (FKEE) dan Prof. Madya Dr. Shahreen binti Kasim (FSKTM). Turut hadir ialah Dr. Saizalmursidi bin Md Mustam dan Cik Aimi Syahida binti Ahmad Yani dari RMC.

Pembentangan ini bertujuan menilai permohonan geran bagi menyokong projek penyelidikan yang berpotensi memberi manfaat kepada universiti dan masyarakat.



9 Penyelidik UTHM Memperolehi Skim Geran Penyelidikan Program Padanan Industri (IMaP) Fasa 2 Tahun 2024

16 Dis.2024 – Sekalung tahniah diucapkan kepada sembilan Penyelidik UTHM di atas kejayaan memperolehi, SKIM GERAN PENYELIDIKAN PROGRAM PADANAN INDUSTRI FASA 2 TAHUN 2024: UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

Dengan jumlah keseluruhan peruntukan keseluruhan RM 1,525.900.00 bagi 9 projek.

Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin dalam merencanakan lagi aktiviti penyelidikan dan inovasi di UTHM



Penerima Geran Penyelidikan Kerjasama Strategik MTUN Tahun 2024

24 Dis. 2024 – Sekalung tahniah diucapkan kepada penerima Geran Penyelidikan Kerjasama Strategik MTUN 2024 bernilai RM100,000.00 bagi projek bertajuk Integrative Omics Data Analysis with Machine Learning for Precision Breast Cancer Therapy Development. Projek ini diketuai oleh Dr. Logenthiran A/L Machap dari UTHM bersama rakan penyelidik, Prof. Madya Ts. Dr. Nurul Akmar Binti Emran (UTeM), Dr. Mohd Khairul Bazli Bin Mohd Aziz (UMPSA), dan Ts. Dr. Wan Azani Bin Wan Mustafa (UniMAP).



Majlis Perpisahan Staf Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UTHM

14 Jan. 2024 – RMC telah mengadakan Majlis Perpisahan bagi meraikan perkhidmatan tiga staf yang bakal meninggalkan kami.

Majlis yang berlangsung pada jam 12.00 tengah hari bertempat di *Barokah Sri Village* ini diadakan bagi menghargai jasa dan sumbangan Puan Sarena binti Kadeni, Encik Mohamad Fairuz bin Nor Yazid, dan Cik Nurul Fatimah binti Mohd Razali sepanjang mereka berkhidmat di RMC.

Acara ini turut dihadiri oleh Pengarah RMC Prof. Dr. Nafarizal bin Nayan, Timbalan-timbalan pengarah, Prof. Madya Ts. Dr. Alias bin Masek serta Dr. Saizalmursidi bin Md Mustam yang mengambil kesempatan untuk memberikan ucapan penghargaan bersama staf yang diraikan. Suasana majlis yang harmoni turut diserikan dengan jamuan makan tengah hari dan sesi penyampaian cenderahati.

Semoga Puan Sarena, Encik Mohamad Fairuz, dan Cik Nurul Fatimah terus maju jaya dalam perjalanan karier mereka yang seterusnya.



Majlis Amanat Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UTHM 2025

1 Jan. 2025 - Majlis Amanat telah berlangsung di Bilik Persidangan, F6, yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Prof. Dr. Nafarizal Bin Nayan. Amanat ini selaras dengan visi Naib Canselor UTHM, Yang Berhormat Profesor Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi Abdul Rahim, yang menekankan keberanian berfikir di luar kotak melalui inisiatif SPEED.

Dalam amanatnya, Naib Canselor UTHM menegaskan kepentingan perubahan sikap dan cara kerja bagi mencapai kecemerlangan organisasi. Konsep SPEED dalam Strategi 2025 bukan sekadar idea, tetapi satu prinsip penting dalam memastikan kejayaan universiti.

Amanat ini memberi dorongan kepada seluruh warga UTHM untuk berani mencabar cara berfikir tradisional dan bertindak pantas dalam merealisasikan kecemerlangan yang lebih dinamik serta berkesan.



Sesi Pemantauan Dan Penilaian Projek Geran Industri

13 Feb. 2025 - Sesi pemantauan dan penilaian projek Geran Industri telah diadakan di Makmal ReCUV E10, melibatkan kerjasama antara pihak Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) UTHM.

Projek yang dinilai bertajuk Proposed Enhancement of Unmanned Aircraft System (UAS) Fleet Management System (UFMS) To UAS Fleet Management & Control (UFMC) System ini diketuai oleh penyelidik UTHM bersama ahli projek.

Sesi ini bertujuan menilai kemajuan projek serta memastikan keberkesanannya dalam meningkatkan sistem pengurusan dan kawalan armada pesawat tanpa pemandu (UAS). Diharapkan kerjasama ini dapat menyumbang kepada pembangunan teknologi industri yang lebih inovatif.



Program Bengkel Jaringan Kolaborasi Prasarana – Universiti

4 Dis. 2024 - UTHM mengorak langkah dalam Jaringan Kolaborasi bersama Prasarana. Sebanyak 11 delegasi dari UTHM telah menghadiri Bengkel Jaringan Kolaborasi hasil daripada MOU bersama Prasarana. Bengkel ini turut dihadiri oleh wakil daripada sembilan IPTA dan IPTS yang dijemput, terdiri daripada universiti yang telah atau bakal menandatangani MOU dengan Prasarana untuk tahun 2025. Objektif bengkel ini adalah untuk kedua-dua pihak mengenal pasti kepakaran masing-masing serta merancang pelbagai inisiatif seperti penyelidikan, latihan, inovasi sosial, dan sebagainya yang boleh direalisasikan bersama. Delegasi UTHM terdiri daripada wakil Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat, COR *Energy & Industry Environment Studies* (FKMP), *Satellite ICoe REL* (FTK), serta koordinator MOU UTHM-Prasarana I-CoE REL UTHM. Bengkel ini menjadi platform untuk memperkenalkan program akademik, perkhidmatan, khidmat nasihat, pengujian, dan penyelidikan yang telah dijalankan oleh para penyelidik UTHM.



Majlis Penyerahan Set Hidroponik Solar Pintar Kepada Komuniti Kampung Parit Jelutong

22 Dis. 2024 - Majlis penyerahan set hidroponik solar anjuran FKAAB dengan kerjasama ICRC UTHM ini telah dirasmikan oleh YB Puan Nor Rashidah binti Ramli, ADUN Parit Raja. Projek hidroponik solar pintar, UTHM yang dibiayai oleh KPT melalui Geran Unimadani ini akan memberi manfaat kepada lebih 800 penduduk di empat kawasan termasuk Kampung Parit Jelutong. Sistem hidroponik solar pintar berasaskan teknologi solar dan IoT ini dapat meningkatkan produktiviti pertanian serta mengurangkan kos operasi.



Majlis Apresiasi Jaringan Industri Dan Masyarakat (MAJIM) 2024

22 Dis. 2024 - UTHM meraikan kecemerlangan jaringan industri dan komuniti menerusi Majlis Apresiasi Jaringan Industri dan Masyarakat (MAJIM 2024) yang berlangsung di Bilik Banquet, Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. Dianjurkan oleh Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC) UTHM, majlis ini diadakan buat julung kalinya bagi mengiktiraf sumbangan para penyelidik dan staf UTHM dalam memperkukuh rangkaian strategik bersama industri serta komuniti. Yang Berhormat Prof. Dato' Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim, Naib Canselor UTHM, hadir menyempurnakan majlis dan menyampaikan 14 kategori anugerah kepada penerima yang telah menunjukkan pencapaian cemerlang. Selain itu, majlis ini turut menyaksikan pelancaran Projek UTHM-Sinar Pusara, sebuah inisiatif inovatif yang mengaplikasikan pencahayaan solar bagi meningkatkan keselamatan kawasan perkuburan serta mempermudah pengurusan jenazah pada waktu malam. MAJIM 2024 bukan sekadar platform penghargaan tetapi juga simbol komitmen UTHM dalam memperkukuh hubungan strategik dengan industri dan komuniti, selaras dengan misinya ke arah kecemerlangan global.





Lawatan Pemantauan Projek *Knowledge Transfer* Program Di Kota Tinggi dan Sejati Madani Di Kulai

8 Jan. 2025 - UTHM telah menyantuni Timbalan Ketua Pengarah Pengajian Tinggi, YBrs. En. Ahmad Rizal Bin Adnan, dalam lawatan pemantauan ke projek berimpak tinggi di Kota Tinggi dan Kulai. Lawatan ini meninjau Projek Cendawan Tiram dan Ternakan Lebah Madu Kelulut (UMT), Projek Penanaman Halia Bentong (UPM), serta Projek Hidroponik Sifar Karbon dan Sistem Fertigasi Cili (UTHM). Inisiatif ini memperkukuh kerjasama akademik dan komuniti dalam pembangunan teknologi serta inovasi. Semoga projek-projek ini terus memberi manfaat kepada masyarakat dan universiti.



Lawatan Kolaborasi Ke *Huawei Technologies* (Malaysia) Sdn. Bhd.

15 Jan. 2025 - UTHM telah melaksanakan lawatan strategik ke ibu pejabat *Huawei Technologies* (Malaysia) Sdn. Bhd. yang dipimpin oleh Yang Berbahagia Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Profesor Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad TNCPI UTHM. Delegasi UTHM turut disertai oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) FKEE, UTHM, Profesor Madya Ts. Dr. Asmarashid bin Ponniran, Timbalan Dekan Akademik dan Antarabangsa (TDAA), Ketua Jabatan Kejuruteraan Elektrik (KJ JEK), Profesor Dr. Fauziahanim binti Mohd Fauzi, staf FKEE, Pengarah Bahagian Perhubungan Industri dan Komuniti (ICRC) Prof Madya. Dr. Faridah binti Kormin, Timbalan Pengarah ICRC, serta Ketua Jabatan berkaitan. Pihak Huawei pula diwakili oleh Naib Presiden Huawei Malaysia.

Lawatan ini menjadi platform penting untuk membincangkan potensi kerjasama strategik antara UTHM dan Huawei, dengan fokus kepada pembangunan teknologi solar berskala utiliti, peningkatan latihan profesional untuk staf, peluang kerjaya untuk pelajar, serta usaha membentuk hubungan yang lebih erat dan bermakna antara kedua-dua organisasi.



PUU Memorandum Persefahaman (Mou) Antara UTHM dan Serai Group Sdn. Bhd.

22 Jan. 2025 - UTHM telah diwakili oleh YBhg. Prof. Ts. Dr. Rabiah binti Ahmad, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), selaku wakil rasmi Naib Canselor UTHM, manakala Serai Group Sdn Bhd. diwakili Pn. Hafizan binti Urif, Ketua Pegawai Eksekutif. Turut hadir dalam majlis ini ialah YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Faridah binti Kormin; Pengarah Pusat Hubungan Industri dan Masyarakat (ICRC) UTHM, YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Aini Nazura binti Paimin @ Abdul Halim; Timbalan Dekan Penyelidikan, Pembangunan dan Penerbitan FPTV, Mr. Ilangeswara Rao; Ketua Pegawai Operasi Serai Group, pegawai-pegawai universiti serta delegasi Serai Group. MoU ini membuka ruang kerjasama strategik dalam pelaksanaan Program Ijazah Perantisan dan Work-Based Learning (WBL), yang akan menyediakan peluang pembelajaran secara langsung di tempat kerja bagi pelajar UTHM, khususnya dalam industri makanan dan perkhidmatan. Selain itu, kerjasama ini turut melibatkan pembangunan teknologi makanan retort sebagai salah satu inovasi penting dalam memastikan produk makanan yang berkualiti, selamat dan tahan lama.



Bengkel Pemasaran Pejabat TikTok Malaysia

19 Feb. 2025 - PTS Bookcafe Sdn Bhd menjadi penganjur kepada Bengkel Jualan dan Pemasaran yang diadakan di Pejabat TikTok Malaysia, Sunway Velocity, 55100 Kuala Lumpur. Bengkel yang dianjurkan khas ini diadakan khususnya untuk ahli Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).

Bengkel ini bertujuan untuk membincangkan strategi pemasaran terkini di TikTok, strategi *Affiliate Marketing*, pengoptimuman kandungan digital, penggunaan *Artificial Intelligence* (AI) dalam pemasaran serta potensi platform ini dalam meningkatkan jenama penerbit dan jualan buku.

Penyertaan Penerbit UTHM dalam bengkel ini adalah untuk mengambil manfaat bersama dan impak positif kepada industri penerbitan buku. Semua peserta bengkel dijemput sebagai wakil daripada syarikat penerbitan terkemuka seperti Karangraf, PTS, IMAN dan The Patriots. Kehadiran peserta pastinya menambah input berharga dan memberi impak positif dalam memperluaskan jaringan pemasaran digital.

Dalam sesi pembentangan, para jurujual secara sistematik menyampaikan rahsia dan teknik kejayaan dalam bidang *affiliate marketing*. Mereka berkongsi beberapa strategi pemasaran kreatif yang telah membantu mereka mencapai sasaran jualan yang memberangsangkan serta meningkatkan pengaruh dalam dunia digital.

Dengan pelaksanaan bengkel yang teratur dan penuh informasi, PTS Bookcafe sekali lagi membuktikan komitmennya dalam mendukung perkembangan industri pemasaran digital di Malaysia. Acara ini dijangka akan menjadi platform berterusan bagi perkongsian ilmu dan pengalaman dalam kalangan peminat serta penggiat pemasaran digital.



Jerayawara Penerbitan Buku 2025 Bersama FKEE, FKMP, PPB, FSTKM, FPTV, FPTP, PPUK dan JBS

Jerayawara Penerbitan Buku Tahun 2025 anjuran Pejabat Penerbit UTHM yang diadakan pada 22 dan 23 Januari 2025 mendapat sambutan yang menggalakkan daripada staf akademik universiti. Program ini telah melibatkan seramai 92 orang staf dari fakulti yang berbeza. Program ini berlangsung di Auditorium Al-Jazari, PTTA dan bertujuan meningkatkan kualiti dalam bidang penulisan dan penerbitan buku.

Sepanjang dua hari program, sesi perkongsian telah disampaikan oleh Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan (Ketua Jabatan Penerbitan) mengenai proses penerbitan buku. Program ini turut memberi penekanan terhadap pentingnya menghasilkan karya yang dapat memberi impak kepada pembangunan ilmu.

Program ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan staf akademik dalam menghasilkan penerbitan yang berkualiti. Dengan harapan program ini dapat menggalakkan lebih ramai staf akademik untuk berkecimpung dalam penulisan dan penerbitan buku yang bukan sahaja bermanfaat kepada komuniti universiti, tetapi juga masyarakat umum.



Jerayawara Penerbitan Buku 2025 Bersama FAST, PPD dan PPUK Pagoh



Program Jerayawara Penerbitan Buku Tahun 2025 anjuran Pejabat Penerbit UTHM yang diadakan pada 18 Februari 2025 mendapat sambutan yang menggalakkan daripada staf akademik universiti. Program ini telah melibatkan seramai 26 orang staf dari fakulti yang berbeza. Program ini berlangsung di Bilik Mesyuarat 1, Kampus Pagoh dan bertujuan meningkatkan kualiti dalam bidang penulisan dan penerbitan buku.

Sepanjang program, sesi perkongsian telah disampaikan oleh Dr. Shazaitul Azreen binti Rodzalan (Ketua Jabatan Penerbitan) mengenai proses penerbitan buku. Program ini turut memberi penekanan terhadap pentingnya menghasilkan karya yang dapat memberi impak kepada pembangunan ilmu.

Program ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan staf akademik dalam menghasilkan penerbitan yang berkualiti. Dengan kejayaan penganjuran Jerayawara Penerbitan Buku 2025, Pejabat Penerbit UTHM membuktikan komitmennya dalam menyokong kecemerlangan akademik dan memperkukuh peranan universiti sebagai peneraju dalam penerbitan ilmiah.

Aktiviti dan Pencapaian Pejabat Penerbit 2024

Pejabat Penerbit telah melaksanakan sebanyak 18 aktiviti berkaitan penerbitan sepanjang tahun 2024 merangkumi aktiviti penerbitan buku, modul, buku teks, bab buku, jurnal, prosiding dan pemasaran bahan terbitan Penerbit UTHM. Pejabat Penerbit juga telah menguruskan lebih daripada 2000 penerbitan setahun termasuk penerbitan buku, modul P&P, bab buku, jurnal, prosiding, terbitan khas dan lain-lain. Secara keseluruhan pada tahun 2024 Pejabat Penerbit telah berjaya menerbitkan 2600 penerbitan dalam setahun.

AKTIVITI PENERBITAN 2024



30 Peserta Sertai Bengkel *Open Journal System (OJS)*

Kira-kira 30 peserta yang terdiri daripada Ketua-ketua Editor Jurnal dan Prosiding Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menyertai Bengkel *Open Journal (OJS)* anjuran Unit Jurnal, Prosiding dan Pengindeksan, Pejabat Penerbit UTHM.

Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada semua peserta berkenaan penggunaan Sistem OJS ini dalam urusan penerbitan Jurnal dan Prosiding. Sebagai makluman, proses penerbitan bagi kedua-dua bahan ini adalah 100 peratus dibuat secara dalam talian.

Penceramah jemputan, En. Mohd Arshad bin Mohd Lokoman berkata, terdapat beberapa penambahbaikan selepas proses menaiktaraf telah dibuat bagi memastikan semua peserta dapat menggunakan sistem ini tanpa sebarang masalah.

Hadir sama, Pengarah Penerbit, Prof. Ts. Dr. Norzila Othman dan Timbalan Pengarah Penerbit, Prof. Madya Dr. Azwan Sapit.



Pagoh, Muar - Pusat Kecemerlangan Industri Rel (ICoE-Rail), I²E dengan kerjasama FTK telah mengadakan satu sesi perkongsian ilmu secara hibrid berkaitan ceramah alumni dan perkongsian pengalaman latihan sistem kereta api China.

Sesi perkongsian ini telah berlangsung di Dewan Auditorium 6, Hub Pendidikan Tinggi Pagoh serta program perkongsian ilmu ini dihadiri oleh 56 orang pelajar program BNT dan 30 orang staf UTHM pelbagai fakulti. Antara dua topik pengisian utama adalah ceramah alumni yang disampaikan oleh Saudara Muhammad Ikmal Roaini, yang kini bertugas dalam projek ECRL. Manakala perkongsian kedua melibatkan forum latihan berasaskan TVeT Rel di China yang disampaikan oleh tiga (3) orang panel jemputan iaitu Prof. Madya Dr. Nor Aziati binti Abdul Hamid, Ketua Pusat Kecemerlangan ICoE-Rail, Dr. Reventheren a/I Ganasan dan Dr. Siti Idzura binti Yusuf iaitu Penyelidik Utama di ICoE-Rail Satelit.

Program perkongsian ilmu ini diharap dapat memberi impak yang lebih jelas kepada pelajar khususnya dalam bidang kerjaya sistem pengangkutan rel dan manfaat sistem pendidikan TVET di China yang dapat diterapkan dalam sistem pendidikan di UTHM, Selain itu, isu-isu perkembangan semasa sistem rel, kelebihan, teknologi masa depan rel juga peluang-peluang kolaborasi latihan turut dibincangkan dalam sesi forum tersebut.

Sesi Perkongsian Ilmu : Ceramah Alumni & Pengalaman Latihan Sistem Kereta Api China



Lawatan Kerja ke Halliburton (M) Sdn. Bhd Oleh Pusat Pembuatan Dan Bahan Termaju (AMME)

Senai, Johor - Pihak Pusat Pembuatan dan Bahan Termaju (AMMC), Institut Kejuruteraan Integrasi (I2E) telah mengadakan satu sesi lawatan kerja ke Halliburton (M) Sdn. Bhd bagi mempelajari berkaitan proses pembuatan terkehadapan, teknologi inovatif dan kepakaran canggih dalam bidang pembuatan dan automasi.

Sesi lawatan kerja ini dimulakan dengan slot pengenalan komprehensif kepada sistem operasi teras dan kecekapan Halliburton. Seterusnya delegasi AMMC turut berpeluang untuk melawat kemudahan Halliburton (M) Sdn. Bhd yang merangkumi teknik pembuatan terkini dan sistem automasi pembuatan. Lawatan itu menyerlahkan komitmen Halliburton terhadap ketepatan, inovasi dan kemampunan dalam sistem operasi mereka. Lawatan kerja ini mampu meningkatkan pemahaman berkaitan aplikasi praktikal dalam bidang pembuatan serta merapatkan jurang antara pengetahuan teori di universiti dan amalan industri.



Lawatan Penyelidikan Ke Stmicroelectronics Sdn Bhd Oleh Pusat Kecemerlangan Pencemar Mikro (MPRC)

Muar, Johor – Pusat Kecemerlangan Pencemar Mikro (MPRC), Institut Kejuruteraan Integrasi (I2E) yang diketuai oleh Prof. Ts. ChM. Dr. Radin Maya Saphira binti Radin Mohamed telah mengadakan lawatan penyelidikan ke STMicroelectronics Sdn. Bhd pada 10 Januari 2025. Sesi lawatan ini turut disertai oleh empat orang pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Bina (FKAAB).

Lawatan ini memberi fokus berkaitan loji rawatan air sisa di STMicroelectronics Sdn. Bhd, Muar yang melibatkan proses penyingkiran logam berat, perkongsian kepakaran berkaitan aspek pengurusan air sisa yang mampan dan cekap



Program STI 100-3 (100 Saintis 100 Sekolah 100 Hari)

Batu Pahat, Johor – Pusat Penyelidikan Shamsuddin – Mikroelektronik dan Nanoteknologi (MiNT-SRC), Institut Kejuruteraan Integrasi (I²E) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Marlia binti Morsin telah mengadakan Program STI 100-3 (100 Saintis 100 Sekolah 100 Hari) Kitaran 1 Siri 3 bagi bidang Nanoteknologi kepada pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Lalang.

Lawatan ke makmal MiNT-SRC ini telah disertai oleh 72 orang pelajar dan diiringi oleh 6 orang guru pengiring. Program ini dimulakan dengan sesi taklimat yang telah disampaikan oleh Ketua Pusat Penyelidikan Shamsudin-Mikroelektronik dan Nanoteknologi (MiNT-SRC) iaitu Prof. Madya Dr. Marlia binti Morsin dengan memberi pendedahan berkaitan fasiliti nanoteknologi kepada para pelajar. Seterusnya, program ini dilanjutkan lagi dengan aktiviti lawatan makmal nano atau dikenali sebagai “Nano Lab Tour” dan pelajar dibahagikan kepada lapan kumpulan mengikut lapan stesen peralatan nano yang merangkumi peralatan seperti berikut:

1. UV-Vis Spectroscopy
2. Contact Angle
3. Atomic Force Microscope
4. Solar Simulator
5. Surface Profiler
6. X-Ray Diffractometer
7. Sputtering
8. Field emission scanning electron microscopy (FESEM)

Selain itu, slot akhir bagi program 100-3 ini adalah ujian pengetahuan dan pengalaman kepada pelajar SMK Sri Lalang. Kesimpulannya, terdapat peningkatan pengetahuan dan minat pelajar terhadap bidang nanoteknologi. Semoga matlamat pelaksanaan program STI 100-3 ini dapat memperkasa bidang nanoteknologi di Malaysia seterusnya penglibatan pelajar dalam bidang sains dan kejuruteraan dapat direalisasikan.



MiNT-SRC Connect:

Industry Meets Talents bersama Austria Technologie & Systemtechnik (MALAYSIA) Sdn. Bhd. (AT&S)

Batu Pahat, Johor – Pusat Penyelidikan Shamsudin – Mikroelektronik dan Nanoteknologi (MiNT-SRC) dengan kerjasama Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik (FKEE) telah mengadakan program “MiNT-SRC Connect: Industry Meets Talents” bersama Austria Technologie & Systemtechnik (Malaysia) Sdn. Bhd. (AT&S) pada 14 Januari 2025 bertempat di bilik Seminar MiNT-SRC, Blok F5, UTHM.

Dalam sesi perkongsian ini, pihak AT&S telah memberikan penerangan ringkas berkenaan Exponential technologies dan peranan IC substrate dalam dunia digital. Para peserta turut diberi peluang untuk mencuba bunny suit yang dibawa khas oleh pihak AT&S yang mana bunny suit ini merupakan pakaian di ruang fabrikasi semikonduktor, bilik bersih (*cleanroom*).

Selain itu, para peserta juga dapat merasai pengalaman dunia fabrikasi dan aplikasi semikonduktor dengan menggunakan VR-box yang disediakan oleh syarikat AT&S. Program ini telah dihadiri oleh 150 orang peserta yang terdiri daripada pelajar UTHM, UiTM Cawangan Pasir Gudang dan Politeknik Ibrahim Sultan. Semoga program ini membawa manfaat dan dapat meningkatkan lagi minat pelajar dalam bidang semikonduktor.



Kerjasama Penyelidikan Antara Pusat Kecemerlangan Pencemar Mikro (MPRC) dan Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS)

Batu Pahat, Johor – Pusat Kecemerlangan Pencemar Mikro (MPRC) telah mengadakan kerjasama penyelidikan bersama Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS), Jitra, Kedah menerusi Penyelidik Utama (PR), Prof. Madya Ts. Dr. Rafidah binti Hamdan berkaitan penyelidikan Kualiti Air Tasik.



KATALOG



Sila imbas kod
untuk katalog 2025

TERBITAN TERKINI 2025



**PESTA BUKU
ANTARABANGSA
KUALA LUMPUR 2025
INTERNATIONAL
BOOK FAIR**

23 MEI - 1 JUN 2025
TEMUI KAMI

10pagi - 10 malam Reruai MAPIM, Dewan Tun Razak 3
Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL)